

07/09/2002

Kaedah atasi pengundi import wajar digubal segera

KAJIAN dilakukan Umno selepas pilihan raya kecil Anak Bukit, Kedah, baru-baru ini mendedahkan sesuatu agak meragukan dan membimbangkan. Penyemakan empat peti undi daripada 14 semuanya, didapati lebih 500 pengundi bukan orang kawasan itu, tidak lahir atau pun bekerja di Anak Bukit tetapi menjadi pengundi dengan alamat kampung saja, tanpa alamat rumah.

Berdasarkan hakikat itulah, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beranggapan kemenangan tipis Pas di situ dibantu pengundi hantu atau import. Apa yang berlaku itu diperkuatkan pengakuan pemimpin Pas Kedah, bahawa parti itu sememangnya mengatur pemindahan pengundinya dari satu kawasan ke kawasan sasaran sebagai strategi menawan negeri itu dalam pilihan raya akan datang setelah ia menang 12 DUN dan lapan kerusi Parlimen pada 1999. Muslihat pembangkang itu kini semakin nyata. Ia mengatur pemindahan ahlinya daripada kawasan majoriti bukan Melayu ke kawasan ia kalah kecil atau menang tipis.

Mungkin apa yang ahlinya diajar lakukan adalah membawa kad pengenalan dan melaporkan mereka berpindah ke sesuatu kawasan sasaran. Dengan slip baru diberikan Jabatan Pendaftaran Negara itu, orang berkenaan akan pergi pula ke pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyebabkan namanya akan tertera pada senarai baru pengundi. Jika benarliah ini cara Pas mengukuhkan kawasan ia agak lemah sedikit, tindakan itu sungguh licik. Cuma Anak Bukit mendedahkan tembelangnya. Sebenarnya dalam menghadapi muslihat itu, jentera setiap parti harus peka dan menjalankan pemeriksaan rapi setiap kali SPR mempamerkan senarai pengundi sesuatu kawasan untuk disemak. Apatah lagi suruhanjaya itu mengakui kehadiran pengundi import bukan hanya berlaku di Kedah, malah di Pahang, Kelantan dan Terengganu. Berdasarkan hakikat inilah pegawai parti sepatutnya membuat bantahan segera jika terbukti dalam senarai itu, ada nama pengundi disahkan tidak tinggal di sesuatu kawasan terbabit. Jiran, penduduk dan pegawai parti yang cekap dan saling mengenali pemastautin dan kawan sekampung pasti dapat mengesahkan jika wujud kes pemindahan dan muslihat politik sebagaimana dilakukan Pas itu.

Kepekaan jentera parti baik pada peringkat bahagian atau cawangan dalam mengikut rentak permainan politik ini adalah faktor penting dan boleh bertindak sebagai cara membanteras sebarang usaha mewujudkan pengundi hantu itu. Memang benar ada orang yang sengaja tidak mahu alamat betul mereka diketahui kerana sebab-sebab tertentu. Kejujuran orang seperti ini memang boleh dipersoalkan. Begitu juga ramai yang membuat kad pengenalan tetapi tidak mengambilnya. Bagaimanapun, dalam sesuatu pilihan raya khususnya umum, ada pengundi yang bekerja di bandar besar seperti Kuala Lumpur tetapi tidak menukar alamat rumah di kampung, lantas pulang untuk membuang undi. Ada juga mereka yang sudah membeli rumah di Kuala Lumpur dan enggan pulang mengundi pada pilihan raya umum. Cuma apa yang menjadi isu adalah gerakan pemindahan dan pertukaran alamat yang sengaja diatur berdasarkan strategi parti. Kegiatan ini tidak syak lagi boleh disifatkan sebagai mencemarkan proses pengundian dalam sesuatu pilihan raya bebas dan berlandaskan demokrasi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri mengumumkan pihaknya akan menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat kemungkinan berlaku penyelewengan atau usaha mengkhianati SPR. Bagaimanapun, kata Datuk Zainal Abidin Zin, kerajaan bukannya mempersoal kewibawaan dan kebebasan suruhanjaya itu mengendalikan pilihan raya. Mungkin SPR sendiri dapat mengambil langkah awal menggubal

kaedah memastikan hanya pengundi yang betul-betul tinggal di sesuatu kawasan dibenarkan membuang undi dan tidak berlaku lagi insiden orang dari luar kawasan yang diimport ke sesuatu kawasan dibenarkan mengundi.